

Huraian ringkas mengenai Borang-Borang Perubatan :

1. **BORANG BAUCER TUNAI RUNCIT (PETTY CASH VOUCHER)**

Borang ini hendaklah diisi apabila membuat tuntutan bagi rawatan kecemasan di klinik-klinik bukan panel LGM atau klinik-klinik diluar wilayah dan bagi rawatan di klinik pakar adalah tidak dibenarkan. Borang tuntutan hendaklah dihantar ke Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) untu kelulusan bayaran. Tuntutan bayaran boleh di buat di Unit Kewangan, Ibu pejabat dan UKA Service Centre, BTK Sungai Buloh

2. **BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI PEGAWAI/KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM**

Borang ini hendaklah diisi apabila hendak membuat pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan ini hanya layak kepada kakitangan tetap sahaja dan telah mencapai umur 40 tahun pada tarikh permohonan. Setiap permohonan hendaklah dimajukan kepada UPSM yang mana akan membuat permohonan bagi mendapatkan kelulusan dari Jabatan Kesihatan yang berhampiran. Setelah kelulusan di perolehi, Jabatan Kesihatan akan mengaturkan temujanji melalui UPSM untuk kakitangan berkenaan membaut pemeriksaan.

3. **BORANG PEMILIHAN PANEL DOKTOR LGM**

Borang ini hendaklah diisi oleh kakitangan baru dilantik di LGM. Setiap kakitangan baru diberi pilihan untuk memilih dua panel klinik untuk kegunaan diri sendiri dan ahli keluarga (suami, isteri dan anak-anak). Bagi ibu bapa kakitangan, mereka hanya layak mendapat rawatan di hospital-hospital atau klinik-klinik kerajaan sahaja. Surat jaminan (GL) perlu diambil terlebih dahulu sebelum membawa mereka bagi mendapatkan rawatan.

* Bagi pertukaran panel klinik, setiap kakitangan perlu memaklunkan kepada pihak UPSM dengan memo bertulis dan lampirkan buku rawatan perubatan untuk dipinda.

4. **BORANG SARAUBAT JPA (AM) & BORANG SARAUBAT JPA (PPK)**

Borang ini hendaklah diisi oleh kakitangan atau pesara apabila membuat tuntutan ubat, alat otopedik, kanta mata dan lain-lain. Borang ini hendaklah diperakukan oleh Doktor yang merawat pesakit tersebut. Borang yang lengkap diisi akan dirujuk ke Kementerian Kesihatan Putrajaya untuk kelulusan bersama-sama surat iringan dari UPSM. Tempoh kelulusan bagi sesuatu permohonan adalah dalam jangkamasa 3 bulan dan keatas. Setelah kelulusan diperolehi bayaran balik akan di buat oleh Unit Kewangan dan Akaun (UKA).

5. **DASAR KEMUDAHAN PERUBATAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)**

Dasar ini dibuat sebagai panduan kepada kakitangan Lembaga Getah Malaysia dan juga klinik-klinik panel LGM yang dilantik. Kakitangan dan klinik-klinik panel adalah tertakluk kepada dasar ini yang mana perlu diikuti dan dipatuhi dari masa kesemasa.